

**UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN
YANG ARIF DATUK YAACOB BIN HAJI MD SAM
DIALOG SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BERSAMA
AGENSI PENGUATKUASAAN
ZON TENGAH
24 MEI 2016
HOTEL BANGI PUTRAJAYA**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

YANG DIHORMATI SAUDARI Pengerusi Majlis,

YANG BERBAHAGIA KETUA-KETUA PENGARAH, PEGAWAI-PEGAWAI PENGUAT KUASA DAN SEMUA WARGA KERJA AGENSI PENGUATKUASAAN ZON TENGAH (NEGERI PERAK, SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA).

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN ATAU *ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION* (EAIC) SERTA WARGA KERJA EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.

1. Syukur saya ke hadrat Ilahi, dengan izin dan limpah kurnia Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam program Dialog EAIC bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan di bawan seliaan

EAIC bagi Zon Tengah yang merangkumi negeri-negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor dan Perak.

2. Sehubungan dengan itu, bagi pihak EAIC, saya ingin merakamkan ucapan selamat datang dan penghargaan kepada Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan kerana sudi meluangkan masa bagi memenuhi jemputan kami.

3. Dengan penganjuran Dialog EAIC bagi Zon Tengah pada hari ini, ianya telah melengkapkan pusingan pertemuan dan dialog EAIC dengan kepimpinan tertinggi atau wakil-wakil agensi penguatkuasaan yang terdapat di semua negeri-negeri di Semenanjung, setelah bermula dengan Dialog EAIC bagi Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) pada 2 Jun 2015, Dialog EAIC bagi Zon Pantai Timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan) pada 28 September 2015 dan Dialog EAIC bagi Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) yang diadakan pada 25 Januari 2016. EAIC percaya siri dialog yang telah dilaksanakan tersebut telah membawa pelbagai faedah langsung dan tidak langsung kepada semua pihak.

4. Antara objektif utama sesi dialog ini diadakan adalah:
 - (i) Untuk menerangkan dengan lebih jelas mengenai peranan dan fungsi EAIC seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]; dan

- (ii) Membincangkan usaha dan kerjasama antara EAIC dan agensi-agensi penguatkuasaan seliaan dalam pengukuhan integriti dan membentaras salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa dalam aktiviti penguatkuasaan undang-undang.

YBhg. Dato-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Baru-baru ini pada 1 April 2016, EAIC telah menyambut ulangtahun penubuhannya yang Kelima. Walau pun tiada program khusus diatitkan sebagai sambutan khusus, beberapa wawancara khas telah diadakan oleh Pengerusi EAIC bersama wakil-wakil media arus perdana seperti yang telah disiarkan dalam akhbar-akhbar, di samping Perutusan Khas Pengerusi EAIC yang telah dimuat naik ke laman sesawang EAIC. Seperti yang kita sedia maklum, penubuhan EAIC melalui Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah dilakukan selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengukuh dan memperkasakan budaya integriti di kalangan pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, telus, adil dan prihatin ke atas aspirasi dan keperluan masyarakat. Terdapat 21 agensi penguatkuasaan Persekutuan disenaraikan dalam Jadual Akta 700 sebagai agensi-agensi yang terletak di bawah seliaan EAIC. Seksyen 4 Akta 700 memperuntukkan lapan (8) jenis fungsi statutori yang dipertanggungjawabkan ke atas EAIC. Saya tidak berhasrat untuk menyentuh perincian fungsi-fungsi tersebut kerana selepas ucapan

perasmian ini, kita akan mendengar taklimat khusus ke atasnya oleh Pengarah Operasi EAIC.

6. Kesungguhan pihak Kerajaan yang ingin melihat usaha pengukuhan dan peningkatan budaya integriti dan seterusnya memertabatkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan bukan sesuatu yang harus dipandang ringan. Gugusan perundangan dan institusi yang diwujudkan ke arah hasrat tersebut adalah gambaran keseriusan Kerajaan terhadapnya. Ke arah itu, pada tahun 2009, Parlimen telah meluluskan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang melihatkan penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 yang melihatkan penubuhan EAIC dalam mana semua ahli Pesuruhjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, adalah merupakan sebahagian daripada manifestasi rangkakerja (framework) dalam merealisasikan hasrat tersebut. Sejak itu sejumlah besar peruntukan kewangan telah dibelanjakan atau diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membiayai pembentukan dan penstukturan semula pelbagai agensi penguatkuasaan terlibat termasuk penwujudkan jawatan-jawatan baru, menaik taraf perjawatan sedia ada dan peningkatan tahap keupayaan logistik dan keperluan peralatan atau infrastruktur agensi penguatkuasaan terlibat, termasuk penubuhan pusat atau akademi-akademi latihan bagi melatih pegawai penguat kuasa. Maka yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah ke atas kita walau dalam apa jenis peringkat perjawatan atau perkhidmatan bagi memastikan secara bersama bahawa segala hasrat dan usaha

tersebut diberikan kesan dan dilaksanakan dengan penuh komitmen dan iltizam.

7. Dari segi keanggotaan, pada ketika ini kita dapat melihat agensi penguatkuasaan utama seperti PDRM mempunyai kekuatan seramai 136,000 anggota dan pegawai, Kastam Diraja Malaysia (KDM) seramai 14,825 anggota dan pegawai; Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) 14,420 anggota dan pegawai; Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seramai 7,703; Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) seramai 5,940; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) seramai 4,616; Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK) seramai 3,485 orang; Jabatan Perikanan Malaysia seramai 2,143 orang; dan yang lainnya menjadikan keseluruhan jumlah pegawai dan anggota penguatkuasa 21 agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC lebih kurang 445,000 orang. Bagaimana pun jumlah keanggotaan dan pegawai di agensi-agensi penguatkuasaan sebenar adalah di bawah daripada jumlah perjawatan yang diluluskan oleh Kerajaan yang tidak dapat diisikan disebabkan oleh pelbagai faktor. Keadaan atau kekangan yang berlaku tersebut telah menyebabkan sesetengah agensi tidak dapat beroperasi pada tahap optimum seperti yang dirancangkan awal, lebih-lebih lagi apabila sesetengah agensi mengalami tahap persaraan anggota yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi pada jumlah yang besar berbanding dengan jumlah pengambilan baru. Di dalam hal ini EAIC menyokong penuh gesaan oleh CUEPAC baru-baru ini supaya kekosongan perjawatan dalam perkhidmatan awam khususnya di agensi-agensi penguatkuasaan segera diisikan melalui pengambilan anggota dan pegawai baru, di atas alasan terdapat keadaan yang

mendesak bagi keselamatan dan ketenteraman negara diberikan keutamaan dan keperluan kesimbangan dalam operasi penguatkuasaan undang-undang secara yang konsisten di samping pertambahan beban tugas yang perlu dipikul akibat kekurangan kakitangan. Kita perlu menyedari bahawa anggota dan pegawai baru walau pun diambil tidak dapat dengan serta merta di tempatkan di lapangan kerana latihan secukupnya perlu diberikan. Maka yang demikian pembangunan sumber manusia di dalam agensi penguatkuasaan bukanlah perkara yang dapat diadakan secara yang singkat atau semalaman, tetapi memerlukan masa bagi anggota dan pegawai benar-benar terlatih sebelum ditugaskan di lapangan masing-masing.

8. Di dalam pada itu, EAIC mengucapkan syabas kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang telah secara konsisten dilihat melakukan operasi dan penguatkuasaan undang-undang. Pun begitu masih terdapat beberapa aspek penguatkuasaan undang-undang yang memerlukan percaturan dan strategi baru dan tindakan segera agensi terlibat secara segera. Baru-baru ini kita diperlihatkan dengan kepincangan dan ketirisan tatalaku beberapa orang pegawai Imigresen di KLIA yang telah bersekongkol dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam isu keluar/masuk warga asing. Kita sedia mengetahui terdapat sejumlah 132 pintu masuk dan keluar negara yang sah diwartakan bagi menerima dan menapis kemasukan warga asing ke negara ini. Masyarakat melihat perkara ini dengan sinis dan kejadian tersebut meningkatkan lagi persepsi negatif masyarakat ke atas komitmen dan tahap integriti anggota dan pegawai agensi penguatkuasaan. Pada 9 Mei 2016, ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC telah berjumpa dengan kepimpinan tertinggi JIM dan isu ketirisan tatahlaku

dan rasuah menjadi agenda pertama perbincangan disamping isu-isu semasa lainnya. Anggota dan pegawai yang bertugas di lapangan perlu sentiasa menyedari dan diawasi bahawa ketirisan tatahlaku tersebut boleh mendatangkan ancaman bahaya yang besar kepada keselamatan dan keamanan negara dan masyarakat apabila individu-individu yang menjadi buruan pihak berkuasa dapat memasuki dan berlindung dalam negara, dan merancang kegiatan jahatnya di dalam negara atau melalui negara ini. Ini tidak termasuk lagi kebanjiran kehadiran PATI yang bukan sahaja masuk/keluar melalui pintu-pintu sah tetapi juga melalui 1,000 lebih laluan “jalan tikus” yang terdapat di sempadan dan perairan negara yang perlu juga ditangani oleh JIM secara yang konsisten. Dianggarkan sekitar 500,000 PATI masih berada di dalam negara. EAIC telah menyatakan sokongan melalui surat bertarikh 24 Februari 2016 kepada JIM bagi keupayaan JIM dipertingkatkan melalui Pelan Strategik JIM 2015-2020 yang diasaskan kepada empat teras utama; iaitu (i) keselamatan dan kawalan diutamakan, (ii) pemantapan system pengkomputeran imigresen, (iii) merakyatkan perkhidmatan imigresen, dan (iv) perekayasaan JIM. Sementara itu sebagai tindakan lanjutan daripada observasi sempena lawatan ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC ke post kawalan sempadan negara di Wang Kelian, Perlis Malaysia/Thailand yang dilakukan pada 24 Januari 2016, pada 5 Februari 2016 EAIC telah menulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya ciri-ciri keselamatan sempadan negara di Wang Kelian, Perlis dipertingkatkan melalui pemasangan CCTV di kompleks post kawalan tersebut yang didapati tidak memiliki kemudahan kawalan sedemikian. Ini adalah sempadan negara yang pada sedikit hari yang lalu telah mendapat liputan dan perhatian meluas media dalam negara dan luar negara apabila terjumpanya perkuburan besar yang menempatkan mayat-mayat warga

asing atau pendatang asing yang dikatakan diperkampungkan di kawasan tersebut oleh sindikit perdagangan manusia.

9. Tahun 2016 juga melihatkan iltizam Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan mengisytiharkan Tahun 2016 sebagai Tahun Integriti MOT dan agensi di bawahnya. Dua agensi di bawah MOT yang dikawalselia oleh EAIC ialah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Di dalam membantu dan menyokong merealisasikan hasrat MOT tersebut, pada 13 Januari 2016 EAIC telah menulis kepada Ketua Setiausaha MOT bagi menyatakan kesanggupan EAIC untuk membantu MOT dalam usaha meningkatkan integriti dan tadbir urus di kalangan anggota dan pegawai agensi penguatkuasaan di bawah MOT. Pada 27 Januari 2016, KSU MOT telah memberikan jawapan kepada surat EAIC tersebut dengan mengalukan peranan dan penyertaan EAIC. Sebagai sebahagian daripada peranan tersebut, pada 17 Mei 2016, EAIC telah bertemu dengan pegawai-pegawai kanan JPJ bagi mendapatkan maklumat semasa berkaitan operasi dan langkah-langkah atau program peningkatan integriti JPJ selaras dengan hasrat MOT tersebut. EAIC menyokong penuh ke atas tindakan bersepadu yang telah diambil oleh JPJ dengan bantuan pihak berkuasa lain dalam usaha menangani fenomena kegiatan “tonto” yang secara berterangan bertindak menjadi pelindung dan “mata dan telinga” pengusaha-pengusaha pengangkutan perdagangan khasnya lori-lori dari tindakan kuatkuasa undang-undang oleh JPJ. EAIC berharap tindakan oleh JPJ tersebut dijalankan dengan konsisten dan keupayaan serta tahap siapsiaga JPJ dipertingkatkan selari dengan peranan JPJ yang baru-baru ini menyambut “Ulang Tahun Ke-49 JPJ” sebagai peneraju utama dalam mentadbir dan menguatkuasakan Akta

Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan kesinambungan polisi dalam perancangan dan kuatkuasa undang-undang di bawah Akta 333 dan undang-undang subsidiari yang terdapat di bawahnya, EAIC membuat saranan kepada pihak-pihak terlibat supaya perjawatan utama berkaitan penguatkuasaan di JPJ sewajarnya diisi oleh pegawai dalam perkhidmatan JPJ sendiri. Pihak EAIC menyedari ketika ini hanya terdapat dua (2) perjawatan pada Gred 54 yang boleh dikatakan tertinggi yang terdapat dalam skim perkhidmatan JPJ.

10. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang PDRM sebagai agensi penguatkuasaan yang terbesar dari segi bilangan keanggotaan dan keupayaan logistik berbanding dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain di bawah seliaan EAIC. Adalah merupakan suatu fakta bahawa aduan-aduan salah laku yang diterima oleh EAIC sebahagian besarnya adalah terhadap PDRM. Sejak penubuhan EAIC pada 1 April 2011 sehingga 30 April 2016, sejumlah 1018 aduan diterima oleh EAIC berkaitan dengan salah laku anggota dan pegawai PDRM. Secara lebih khusus pada tahun 2015, EAIC menerima sejumlah 219 aduan salah laku terhadap PDRM. Bagi tahun 2016, setakat hujung bulan April 2016, sejumlah 92 aduan salah laku telah diterima oleh EAIC terhadap PDRM. Di dalam pada itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh mantan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM, mengatakan sepanjang tahun 2015 JIPS PDRM menerima sejumlah 2,435 aduan yang melibatkan salah laku anggota polis, iaitu peningkatan sebanyak 228 dari tahun 2014. Walau pun jumlah aduan salah laku tersebut yang dikatakan dilakukan oleh segelintir anggota atau pegawai adalah tidak besar jumlahnya jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan

keanggotaan PDRM, tetapi kes-kes kejadian kematian orang tahanan dalam lokap PDRM berupaya menjadikan satu isu itu sahaja sebagai boleh meruntuhkan atau mencalarakan dengan teruknya imej dan reputasi PDRM. Kerapuhan integriti tersebut terjadi dalam kes kematian orang tahanan PDRM bernama Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur berumur lebih kurang 25 tahun yang mati pada 3 November 2014 di Kota Tinggi, Johor dan kematian orang tahanan bernama N. Dharmendran berumur lebih kurang 33 tahun yang mati pada 21 Mei 2013 di Lokap D9, IPK, Kuala Lumpur. Satu lagi kes kematian orang tahanan akibat daripada perlakuan salah anggota polis ke atas orang tahanan bernama Kugan a/l Ananthan berumur 22 tahun yang mati pada 20 Januari 2009 di lokap Balai Polis Taipan, Subang Jaya, Selangor (*rujuk N Indra a/p Nallthamby (administratrix of the estate and dependant of Kugan a/l Ananthan, deceased) v Datuk Seri Khalid bin Abu Bakar & Ors*) [2014] 8 MLJ 625). Kematian ketiga-tiga tahanan tersebut tadi adalah disebabkan oleh kecederaan tubuh badan yang telah disahkan oleh pakar patalogi sebagai berlaku ketika mereka berada dalam tahanan PDRM. EAIC telah membuat dedahan awam (public disclosure) dapatan siasatan kes kematian Syed Mohd Azlan pada 30 Oktober 2015 bersama syor-syor berkaitan, dan dedahan awam dapatan siasatan kes kematian N. Dharmendran pada 28 April 2016 bersama syor-syor berkaitannya.

11. Berlatar belakangkan kes-kes sedemikian dan kes-kes kematian orang tahanan yang masih di peringkat siasatan, pada 21 April 2014 PDRM Bukit Aman telah mengeluarkan versi kemaskini Standard Operating Procedure (SOP) Pengurusan Lokap PDRM 2014 untuk dipatuhi dan diamalkan oleh semua lokap-lokap PDRM di seluruh

negara. EAIC mengalu-alukan SOP yang sangat komprehensif itu dan berharap setiap anggota dan pegawai PDRM yang terlibat dalam jagaan/kawalan ke atas orang tahanan dan soal-siasat ke atas orang tahanan dapat menghayati dan mengambil berat panduan yang diberikan oleh SOP tersebut, yang bertujuan untuk menguruskan orang tahanan secara yang lebih baik dan bertanggungjawab dan bagi membasmi kejadian kematian orang tahanan dari berulang akibat daripada perlakuan serangan fizikal semasa berada di dalam tahanan PDRM. EAIC juga mengalu-alukan pelaksanaan Pelan Integriti PDRM 2016-2020 yang merupakan kesimbangan kepada Pelan Integriti PDRM 2010-2015 dalam usaha mewujudkan perkhidmatan kepolisian bertaraf dunia kepada masyarakat. Pelan tersebut mendukung lima (5) strategi yang akan menumpukan usaha untuk meningkatkan integriti dan pematuhan standard warga kerja PDRM serta meningkatkan tahap keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kepolisian. Lima strategi tersebut, ialah : (i) memantapkan pengurusan pentadbiran dan pematuhan standard, (ii) meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, (iii) memantapkan pengurusan sumber manusia, (iv) memperkasakan imej PDRM ke arah kepolisian moden, dan (v) mensejahterakan institusi keluarga. Pada 13 Mei 2016 yang lalu, ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC telah menerima kunjungan hormat yang dianggap oleh kami lebih kepada kunjungan kerja/muhibah oleh Pengarah dan pegawai-pegawai kanan JIPS Bukit Aman bagi bertukar pandangan dan fikiran dalam isu-isu berkaitan peningkatan dan pemantapan integriti dalam PDRM.

12. EAIC juga mengalu-alukan langkah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang telah melancarkan Pelan Perancangan

Strategik Maritim Malaysia 2040 (PPSMM 2040), di antaranya bertujuan untuk menggariskan perancangan pembangunan dan pengurusan jangka panjang yang strategik APMM termasuk mewujudkan ketelusan dan memperkasakan integriti dalam APMM.

YBhg Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. EAIC sentiasa telus dalam melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan. Setiap tindakan yang diambil adalah untuk dimanfaatkan secara bersama khususnya di dalam pemantapan dan penghayatan integriti yang berterusan di kalangan pegawai penguat kuasa. Bekerja di atas moto tegas, telus dan efisien, EAIC sentiasa memberikan khidmat yang terbaik demi kesejahteraan rakyat tanpa rasa takut dan gentar atau memihak.

14. Komitmen EAIC diteruskan dengan beberapa auditan mengejut selaras dengan obligasi statutori yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1)(d) Akta 700, iaitu mengaudit dan memantau tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan. Pengauditan yang dijalankan dengan mengkaji skop SOP dan operasi agensi penguatkuasaan sedia ada untuk mengesan sama ada terdapat pelanggaran dengan undang-undang utama atau subsidiari. Sehingga 10 Mei tahun ini, EAIC telah membuat lawatan mengejut ke beberapa Depot Tahanan Imegresen, iaitu di

Machap Umboo, Melaka; Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Selangor; Depot Tahanan Imigresen, Langkap, Perak; dan CIQ Bukit Kayu Hitam, CIQ Padang Besar, pusat pemulihan AADK PUSPEN Karak, PUSPEN Serendah, PUSPEN Tampin dan PUSPEN Tiang Dua, Melaka. Lanjutan daripada lawatan tersebut, EAIC telah menulis dan mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak JIM dan AADK dalam usaha menambahbaik pengurusan dan operasi berkaitan dengan tempat-tempat tahanan, pemeriksaan atau pusat pemulihan tersebut.

15. Komitmen EAIC di dalam memenuhi skop dan tugas yang dipertanggungjawabkan tidak terhad di situ sahaja. “Smart Partnership” dan “engagement” bersama beberapa NGO dan agensi turut diadakan. Antaranya adalah SPRM, PPIM, SUARAM, SUHAKAM, INTEGRITI (Institut Integriti Malaysia), Amnesty International, Biro Pengaduan Awam, Majlis Peguam Malaysia dan BERNAMA bertujuan untuk meluaskan dasar kerjasama dan publisiti yang berkaitan dengan perkara-perkara integriti.

16. Secara amnya terdapat agensi-agensi penguatkuasaan yang telah maju ke hadapan dan memperlihatkan peningkatan dan kesedaran integriti di kalangan warga kerja. Ukuran peningkatan ini dibuat melalui interaksi dan dialog yang diadakan oleh EAIC bersama ketua-ketua agensi penguatkuasaan yang melihatkan terdapat tahap pematuhan SOP yang tinggi khususnya di agensi yang melibatkan disiplin profesional. Namun begitu, masih terdapat ruang bagi penambahbaikan dan pengukuhan integriti yang perlu dilakukan oleh agensi-agensi penguatkuasaan termasuk program “monitoring” ke atas pematuhan

undang-undang dan peraturan dalam memperkasakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang.

17. Program-program pengukuhan integriti perlu disusun dan dilaksanakan secara berterusan pada setiap peringkat pegawai penguat kuasa. Program-program “refreshment” bagi pegawai yang telah lama berkhidmat khususnya amatlah penting dan perlu dilaksanakan secara berkala. Menerusi program seumpama ini, agensi-agensi berupaya meneliti semula dan menambah baik sistem penyeliaan dan kawalan dalaman kakitangan dan pegawai supaya lebih efektif.

18. Menerusi program turun padang EAIC pada 2015 dan awal tahun 2016 yang telah diadakan di zon Labuan, Zon Selatan, Zon Pantai Timur dan Zon Utara, didapati sejumlah 27% pegawai penguatkuasa yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 3 tahun tidak pernah dihantar mengikuti kursus yang berkaitan dengan pemantapan integriti. Saya mengambil kesempatan ini untuk membuat gesaan agar ketua-ketua jabatan memberikan tumpuan yang serius bagi memastikan setiap pegawai penguat kuasa di bawah seliaan atau organisasinya menghadiri kursus yang khusus dalam meningkatkan dan memperkukuhkan integriti dan budaya kerja berkualiti. Pegawai atau anggota yang berada di lapangan khususnya yang berhadapan terus dengan pelanggan atau anggota masyarakat memerlukan latihan khusus dalam mengurus emosi dalam berdepan dengan situasi yang kritikal dan provokasi. Terdapat sebilangan ahli masyarakat yang gemar menimbulkan suasana hostile atau provokasi apabila berurusan dengan agensi penguatkuasaan dan akan mengambil peluang untuk memburukkan agensi dan kerajaan

sebaik pegawai atau anggota bertindak di luar emosi yang luhur. Secara psikologinya, memori kita ini perlu sentiasa ada input tambah dan input yang menyokong termasuk kaedah menguruskan pelanggan yang bermasalah secara yang rasional. Di atas semua itu, aspek kebajikan pekerja dan persekitaran tempat kerja yang kondusif juga perlu diberikan perhatian oleh setiap ketua agensi bagi memastikan semua kakitangan dan pegawai penguat kuasa sentiasa di dalam keadaan yang bermotivasi tinggi dan mempunyai rasa bangga menjadi warga kerja agensinya.

YBhg. Dato'- Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

19. Pada tahun 2015 sejumlah 10 sesi dialog bersama pengurusan tertinggi agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC telah berlangsung. Pada tahun ini pula, sehingga kini, ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC telah bertemu secara langsung dengan beberapa ketua dan pimpinan tertinggi agensi seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PERHILITAN, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan Malaysia, RELA dan Jabatan Perikanan Malaysia bagi berbincang secara langsung ke atas isu-isu semasa dan langkah-langkah tindakan yang perlu diperkembangkan bagi mempertingkatkan sistem perkhidmatan dan penyampaian secara lebih berintegriti.

20. Komitmen EAIC bagi memastikan nilai integriti ini dapat disasarkan secara menyeluruh dan tidak hanya meletakkan tanggungjawab ini kepada agensi penguatkuasaan semata-mata tidak pernah ada hentinya. Menyedari akan hakikat, usaha ini memerlukan sokongan dan harus difahami oleh pelbagai pihak khususnya media dan kumpulan NGO. EAIC yang mempratikkan “no wrong door policy” sentiasa bekerjasama dengan kumpulan NGO dan pengamal media. Bagi merealisasikan hasrat ini, satu majlis dialog antara ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak media di Lembah Kelang telah diadakan pada tahun lepas. Seramai 120 penyertaan daripada kalangan NGO dan pengamal media telah hadir dan memberikan sokongan di samping saling bertukar pandangan, maklumat dan idea-idea yang dapat memperkasakan lagi aspek integriti khususnya di dalam perkhidmatan awam di kalangan pegawai penguat kuasa.

21. EAIC sentiasa serius dan komited dalam menggalas setiap tanggungjawab yang telah diperuntukkan. Pada 2015 sahaja kadar peratusan penyelesaian aduan oleh Jawatankuasa Aduan EAIC juga telah meningkat kepada 95% di dalam penilaian ke atas aduan-aduan yang diterima dalam tahun 2016. Ini telah melebihi sasaran pencapaian atau KPI pada kadar 85% sebagaimana yang telah ditetapkan.

22. Paparan statistik semasa aduan khususnya untuk sepanjang 2016, boleh diperolehi di laman sesawang rasmi EAIC iaitu www.eaic.gov.my Paparan ini adalah paparan “real time” yang dikemas kini secara harian. EAIC sentiasa telus di dalam memberikan paparan maklumat yang berkenaan. Ini bukanlah bertujuan untuk merendah-

rendahkan reputasi mana-mana agensi di bawah seliaan EAIC. Sebaliknya, EAIC memberikan paparan maklumat terkini untuk orang ramai dan agensi penguatkuasaan itu sendiri mendapat maklumat terkini tentang aduan-aduan yang telah didaftarkan dengan EAIC. Agensi yang bertindak secara pro-aktif boleh mendapatkan butiran lanjut dari EAIC tentang aduan dengan segera berdasarkan paparan statistik aduan yang terdapat itu dan yang demikian aduan tersebut boleh diselidiki dengan awal dan jika perlu apa-apa penambahbaikan dibuat lanjutan daripadanya.

23. Walaubagaimana pun, keberkesanan fungsi EAIC juga perlu dilihat daripada sudut pandang sejauh mana syor dan perakuan EAIC diberikan perhatian dan diambil tindakan sebaiknya oleh pihak berkuasa tata tertib agensi penguatkuasaan. Menyedari akan keperluan pemberitahuan oleh pihak berkuasa tata tertib kepada EAIC, pada 1 Julai 2015 Mesyuarat Jemaah Menteri telah membuat keputusan bagi Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengeluarkan arahan kepada semua pihak berkuasa tata tertib agensi penguatkuasaan untuk memaklumkan kepada EAIC secara rasmi akan keputusan tindakan tata tertib yang telah diambil. Ini amatlah penting bagi memastikan setiap pengesyoran tidak diambil mudah dan sekadar amalan atas kertas sahaja. Pihak EAIC juga melalui surat bertarikh 5 April 2016 kepada Ketua Setiausaha Negara telah menulis bagi melahirkan rasa terkilan EAIC terhadap pengenaan hukuman-hukuman yang terlalu ringan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib agensi yang sangat ketara perbezaannya dengan apa yang diperakukan oleh EAIC dalam mana hukuman yang ringan tersebut dilihat tidak mampu membentuk disiplin dan pengajaran ke atas pelakunya.

24. Saya ingin memaklumkan, terkini EAIC telah selesai menggubal satu rang undang-undang pindaan Akta 700. Melalui surat bertarikh 18 Mei 2016 oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri, deraf rang undang-undang tersebut kini telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara sebelum ianya dibawa kepada Kerajaan dan Parlimen pada sesi persidangan bulan Oktober 2016 akan datang, dalam usaha EAIC untuk memantapkan lagi keberkesanan peranan dan fungsi EAIC. Satu peruntukan tambahan akan dimasukkan bagi mewajibkan pihak berkuasa tatatertib memberitahu EAIC ke atas tindakan tatatertib yang telah dilaksanakan dan hukuman ke atasnya lanjutan daripada laporan dan dapatan siasatan salah laku dan syor yang telah dikemukakan oleh EAIC.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

25. Dikesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih akan kehadiran Dato', tuan-tuan dan puan-puan semua pada hari ini. Besarlah harapan saya agar sesi dialog ini dapat kita manfaatkan bersama menerusi sesi interaktif sama ada bertukar pandangan, mengutarakan aduan mahupun soalan, komen serta cadangan yang membina khusus berkenaan aspek integriti di kalangan agensi penguatkuasaan sebagai usaha memartabatkan mutu perkhidmatan yang sedia ada.

26. Selaku ahli panel bagi sesi dialog, kami bersedia memberi respon, maklum balas dan mengambil tindakan susulan berdasarkan isu-isu yang dikemukakan. Saya bagi pihak EAIC, sekali lagi merakamkan ucapan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan kesungguhan Dato', tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan program ini. Diharapkan jalinan kerja sama dan hubungan yang terbina pada hari ini akan terus subur pada masa akan datang di dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan yang terbaik.

27. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Sesi Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Seliaan bagi Zon Tengah.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Bertarikh 24 Mei 2016 (Selasa)